

Allahyarham Zahir bersahabat dengan Dr. Mahathir selama 45 tahun

UMI 6 OCT 2004

KUALA LUMPUR 15 Okt. — Speaker Dewan Rakyat Tun Dr. Mohamed Zahir Ismail yang kembali ke Rahmatullah petang semalam disifatkan oleh ramai sahabat Allahyarham sebagai kehilangan seorang rakan lama yang sukar dicari ganti.

Kebanyakan menteri kabinet kanan mengenali rapat Allahyarham seperti bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah menjadi kawan Zahir selama 45 tahun.

Dr. Mahathir ketika ditemui pemberita di pekarangan Masjid Negara selepas selesai solat jenazah

hari ini berkata, beliau sedih sangat kerana kehilangan seorang rakan lama dan kesedihannya dapat digambarkan apabila Dr. Mahathir sebak dan pemberita tidak sanggup bertanyakan soalan kepada bekas Perdana Menteri itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak adalah antara 500 orang yang hadir untuk menyempurnakan solat jenazah Allahyarham yang diadakan selepas solat Jumaat tadi.

Sebelum itu, para menteri, anggota keluarga dan

sahabat Zahir menziarahi jenazah Allahyarham di kediamannya di Bukit Tunku di sini.

Seorang lagi sahabat Allahyarham bekas Presiden MCA, Tun Dr. Ling Liong Sik yang ditemui di kediaman itu, juga tidak dapat menyembunyikan rasa sedih di atas kehilangan bekas hakim itu, sambil berkata “saya rasa sedih kerana kehilangan kawan baik. Dia seorang yang sentiasa memberi nasihat baik”.

Katanya, beliau dan isterinya sangat rapat dengan Allahyarham semasa hayat kerana Allahyarham pandai bertutur ba-

hasa Mandarin dan sering meminjam pita rakaman daripadanya untuk mempelajari bahasa Mandarin.

Sementara itu, bekas Pengerusi DAP, Lim Kit Siang berkata beliau terkejut dengan kematian Zahir sewaktu diberitahu melalui telefon oleh anggota Parlimen Kepong Dr Tan Seng Giaw yang ketika itu beliau berada di Lapangan Terbang Changi, Singapura.

Katanya, Zahir merupakan Speaker Dewan Rakyat yang paling lama berkhidmat iaitu selama 22 tahun dan beliau kelihatan sihat sebelum ini.— Bernama